

# **Unsur Emosi dalam Novel KOMSAS**

*Faziela Abu Bakar @ Che Din*  
faziela\_ab@yahoo.com

*Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi ( Ph.D)*  
nikrafidah@gmail.com  
Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia.

## **ABSTRAK**

Kertas kerja ini membicarakan tentang unsur emosi yang terdapat dalam novel KOMSAS terpilih. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif, iaitu kaedah analisis teks. Kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis unsur emosi yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati novel-novel ini pelbagai jenis emosi, iaitu emosi positif dan emosi negatif. Dalam konteks kehidupan, manusia tidak pernah terlepas daripada menghadapi masalah hidup, begitu juga permasalahan dalam kalangan remaja. Sehubungan itu, kajian ini bertunjangkan kepada unsur-unsur emosi yang berlaku dalam kehidupan remaja dengan menggunakan pendekatan psikologi.

**Kata Kunci** psikologi; novel; remaja; emosi; KOMSAS

## **ABSTRACT**

*This paper discusses the emotional elements found in the selected KOMSAS novels. In this study, a qualitative method, text analysis is used. This study is meant to identify and to analyze the elements of emotion expressed by the authors in their novels. Based on the study conducted, the researchers found that these novels contain a range of positive and negative emotions. In the context of life, human especially adolescents faced various problems. Thus, this study focused on the emotional elements occurring in the life of adolescents from the psychological approach.*

**Keywords** psychology; novel; adolescent; emotions; KOMSAS

## PENGENALAN

Komponen Sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) telah dilaksanakan di semua sekolah menengah mulai tahun 2000. Pada tahun 2001, komponen ini mula diuji dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelaksanaan komponen ini bukanlah sesuatu yang baharu tetapi merupakan lanjutan daripada unsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang telah diperkenalkan pada tahun 1984. Genre sastera yang diketengahkan dalam KOMSAS ialah novel, cerpen, drama, prosa tradisional dan sajak. Aspek-aspek sastera yang perlu dipelajari oleh pelajar pula seperti sinopsis, tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan, nilai-nilai kemanusiaan, gaya bahasa dan lain-lain lagi.

Bagi zon Utara, teks KOMSAS yang digunakan bagi menggantikan teks tingkatan tiga yang terdahulu ialah novel *6:20* yang merupakan karya oleh Siti Jasmina Ibrahim. Manakala teks KOMSAS untuk tingkatan lima pula digantikan dengan novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah. Bagi teks *Merenang Gelora*, karya oleh Ruslan Ngah pula menggantikan teks KOMSAS tingkatan tiga yang dahulu, yang digunakan oleh pelajar di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan. Hasil daripada saringan daripada peringkat ke peringkat, kesemua teks ini telah dijadikan sebagai bahan bacaan wajib untuk pelajar. Walaupun teks ini telah diangkat menjadi teks KOMSAS, terdapat pelbagai kritikan, pendapat dan pandangan yang diutarakan oleh golongan akademik, sasterawan, para sarjana, masyarakat dan ramai lagi. Justeru, kajian ini akan meneliti apakah unsur emosi yang terdapat dalam novel yang dikaji. Perbincangan kajian ini akan menjurus kepada unsur emosi yang diutarakan oleh pengarang dalam novel dengan menggunakan teori keperluan Abraham Maslow (1970).

Karya sastera merupakan pemikiran dan imaginasi seseorang pengarang yang menyentuh mengenai nilai dan norma dalam kehidupan manusia. Sesuai dengan sifat karya sastera yang mimesis, khalayak dapat menemukan elemen-elemen yang diangkat dari kehidupan realiti, termasuk juga mengenai diri manusia. Hal yang sering ditonjolkan dalam sesebuah karya seperti unsur psikologi manusia yang berkaitan dengan pelbagai perasaan seperti marah, sedih, takut dan lain-lain lagi. Perasaan-perasaan tersebut dianggap sebagai ekspresi emosi manusia. Hal ini terbukti apabila terdapat beberapa kajian sastera yang menyentuh aspek emosi dalam karya. Misalnya, kajian oleh Mohamad Mokhtar Hassan dan Suhairah

Ismail (2005) yang bertajuk *Emosi Dalam Novel Panglima Salleh Selempang Merah: Satu Penerapan Teori* yang memaparkan beberapa emosi seperti duka, sedih, berang dan benci dalam kehidupan semasa berlakunya perang. Selain itu, terdapat juga kajian berkenaan emosi kanak-kanak oleh Aba'ie Sujud et al. (2014) yang bertajuk *Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak* yang menyatakan bahawa kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi agar pertumbuhan dan perkembangan emosi mereka seiring dan seimbang dalam pembentukan jasmani, rohani, intelek dan sosial. Di samping itu, kajian mengenai emosi juga dilakukan oleh Amida Abdul Hamid (2005) yang bertajuk *Emosi Dendam dalam Kesusasteraan Melayu*. Kajian ini mengaitkan tentang emosi dendam dalam naskah teks lama. Emosi ini tidak seharusnya ada dalam sifat diri seseorang. Hal ini demikian kerana, emosi dendam akan membawa kemusnahan kepada diri sendiri. Seperti yang kita ketahui, emosi sangat penting bagi manusia kerana ia mencorakkan kehidupan manusia. Tanpa emosi, manusia seperti sebuah jentera atau alat yang hanya tahu menjalankan tugasnya sahaja. Oleh itu, emosi merupakan sesuatu perasaan atau reaksi yang ditonjolkan kepada seseorang atau berlaku sesuatu kejadian (Frieda, 1993). Seterusnya, Robbins (2008) menyatakan emosi sangat diperlukan untuk memotivasi seseorang dalam menjalani kehidupan. Namun demikian, emosi juga sering menjadi faktor seseorang melakukan perubahan dalam kehidupannya. Sebagai contoh, apabila kita ingin melakukan sesuatu perubahan akan timbul pelbagai perasaan takut, ragu dengan apa yang akan berlaku di kemudian hari. Muhammad Uthman Najati (1993) pula, menyatakan emosi merupakan bangkitan perasaan dan rasa dalaman hasil tindak balas seseorang terhadap sesuatu perkara, pengalaman dan peristiwa yang berlaku seperti emosi takut, marah, kecewa, gembira, suka dan kasih sayang. Justeru dalam kajian ini, fokus utama pengkaji untuk meneliti unsur emosi dalam novel-novel yang dinyatakan di atas. Hal ini memandangkan kajian tentang emosi sangat penting kerana dalam peringkat umur tersebut remaja berasa dalam tahap ‘kemuncak keemosian’. Lantaran itu, golongan remaja ini perlu mengenal emosi yang dihadapi dan cara mengatasinya.

## PENYATAAN MASALAH

Pengkajian terhadap genre novel memang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana barat dan tempatan. Genre novel ini mendapat

perhatian yang ramai kerana terdapat pelbagai skop yang menarik yang boleh dikaji. Sifat karya sastera yang subjektif dan terbuka kepada pelbagai terjemahan menyebabkan banyak sekali pertikaian yang wujud apabila sesuatu karya itu diangkat tidak kira sama ada dalam pertandingan mahupun sebagai teks kajian. Persoalan di sini sama ada novel-novel yang telah dipilih itu sememangnya sesuai dan mudah dibaca, atau sebaliknya.

Kajian pengkaji berdasarkan kepada tiga buah novel KOMSAS iaitu novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan empat di zon 1 yang meliputi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Novel kedua ialah novel *6:20* karya Siti Jasmina binti Ibrahim terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di zon 1 yang meliputi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis dan novel terakhir ialah *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di zon 2 yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan. Berdasarkan kepada pemilihan pengkaji didapati novel yang dipilih telah mendapat pelbagai kritikan dan pendapat daripada sarjana, pengarang, penggiat sastera dan lain-lain.

Novel-novel ini telah mencetuskan beberapa rasa tidak puas hati beberapa pengkritik, sasterawan dan pengkaji sastera khususnya novel. Novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah misalnya, telah mendapat kritikan daripada Fatimah Busu yang merupakan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) yang menyatakan bahawa terdapat naskah kajian yang dijadikan sebagai teks kajian sekolah tidak langsung sesuai di angkat sebagai teks kerana tidak memaparkan unsur moral yang baik bagi pembentukan modal insan.

Selain itu, Naffi Mat yang merupakan seorang ahli panel Forum Kesusteraan Melayu Teras Pembinaan Peradaban dan Negara menyatakan bahawa dua teks kajian KOMSAS tingkatan tiga telah di rombak isinya. Novel tersebut ialah *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim. Novel *Merenang Gelora* telah di rombak sebanyak 80 peratus isinya yang pada mulanya berkisarkan kepada kisah pengedaran dadah di sekolah kepada penjualan telefon bimbit. Manakala teks *6:20* pula hanya di rombak sebanyak 30 peratus sahaja.

Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan timbul persoalan apakah novel-novel tersebut tidak memenuhi kehendak psikologi remaja? Apakah novel-novel tersebut hanya dihalusi dari sudut pandangan kaca mata orang dewasa semata-mata tanpa melihat dari kaca kepada fenomena yang berlaku ini? Apakah novel-novel ini tidak sesuai dijadikan bahan bacaan remaja atau sebaliknya? Apakah novel yang diubah isi kandungannya masih lagi sesuai untuk remaja? Apakah novel-novel ini kurang bermutu sehingga mencetuskan pelbagai pendapat?

## OBJEKTIF KAJIAN

Penghasilan sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin digapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai unsur emosi dalam novel KOMSAS adalah untuk:

1. mengklasifikasikan unsur emosi yang terdapat dalam novel KOMSAS; dan
2. menganalisis unsur emosi yang terdapat dalam novel KOMSAS.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam analisis ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kepustakaan dan kualitatif untuk menyiapkan kajian ini. Kaedah kualitatif dipilih kerana pengkaji secara khususnya akan menganalisis kandungan teks yang terdapat dalam novel yang dikaji untuk melihat unsur emosi yang diutarakan oleh pengarang. Menurut Bogdan dan Taylor (dalam Moleong, 2004) mendefinisikan kaedah kualitatif sebagai prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang yang berperilaku dan perilaku yang diperoleh. Manakala kajian kepustakaan pula dibuat dengan merujuk kepada segala bahan-bahan berbentuk buku, majalah, jurnal dan dokumen lain yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan novel-novel KOMSAS iaitu novel

Novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah yang mana merupakan terbitan Utusan Publication & Distributors.

Di samping itu, pengkaji akan menggunakan teori keperluan Maslow (1970). Melalui teori ini, Maslow berpendapat bahawa individu merupakan sesuatu yang berintegrasi dan mengalami proses penyusunan secara keseluruhan. Jelas menunjukkan, teori ini mempunyai perkaitan dengan aspek personaliti dan lebih menitikberatkan beberapa andaian yang bersifat motivasi. Beliau menganggap motivasi sebagai sesuatu yang kompleks, iaitu tingkah laku luaran yang diperlihatkan oleh manusia. Apabila mempunyai suatu matlamat yang penting dalam hidup ini, individu itu akan terus bermotivasi untuk meningkatkan keperibadian. Matlamat merupakan suatu keperluan yang wujud dalam diri apabila lahir kesungguhan untuk memenuhi rasa keinginan terhadap sesuatu. Setiap manusia mempunyai matlamat yang perlu dipenuhi sebagai kekuatan untuk meneruskan kehidupan tidak kira sama ada pada peringkat dewasa mahupun kanak-kanak. Maslow menjelaskan lagi, sebahagian keperluan dalaman yang ada dapat menggerakkan serta mengarahkan sikap atau perlakuan yang sering dipamerkan atau ditunjukkan oleh individu.

Pada peringkat pertama, Maslow (1970) menegaskan bahawa kehendak-kehendaknya mempunyai desakan yang paling kuat berbanding desakan terhadap kehendak-kehendak pada peringkat yang lain. Keperluan manusia untuk hidup mencakupi keperluan-keperluan yang paling asas seperti air, api, cahaya, udara dan angin. Walau bagaimanapun, dalam konteks kehidupan manusia, keperluan paling asas ini dirumuskan sebagai makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Tanpa keperluan-keperluan ini, manusia tidak dapat hidup dengan sempurna dan selesa. Setelah keperluan asas dicapai, manusia perlu mencari keselamatan dalam hidup, kestabilan kerja, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman dalaman mahupun luaran. Tahap keselamatan ini amat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Kehendak atau keperluan kedua ini bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan aspek emosi (Maslow, 1970). Peringkat ketiga ialah keperluan kasih sayang. Dalam memenuhi keperluan kasih sayang, manusia memerlukan hubungan dengan insan lain. Keperluan kasih sayang dapat dibahagikan kepada dua jenis kasih sayang iaitu D-Love (*deficiency-love*) dan B-Love (*being-love*).

D-Love ialah apabila individu itu lebih mementingkan diri sendiri daripada memberi kasih sayang kepada orang lain. Manakala B-Love pula ialah individu lebih mengambil berat akan memberi kasih sayang kepada orang lain daripada menerima kasih sayang daripada orang lain semata-mata (Maslow, 1970). Tahap seterusnya ialah kehendak penghargaan kendiri. Setiap individu mahu berkuasa sekurang-kurangnya ke atas diri sendiri. Pada masa yang sama, individu juga perlukan kekuatan, kebolehan, kepakaran dan kebebasan. Menurut Maslow (1970) keadaan ini akan dinikmati manusia dalam dua keadaan. Pertama, apabila dia mendapatkan orang yang melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, pemasyuran, penghargaan dan kebesaran. Kedua, manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya. Peringkat yang terakhir adalah keperluan kesempurnaan kendiri. Dalam keperluan perkembangan pula, pencapaian intelek, estetika dan penyempurnaan kendiri akan tercapai apabila keperluan kekurangan dipenuhi. Kita akan cuba merealisasikan kebolehan kita agar menjadi manusia yang sempurna.

Berdasarkan kepada peringkat-peringkat keperluan ini, Maslow (1970) berpendapat bahawa manusia seharusnya memenuhi setiap keperluan dan kehendak bermula daripada tahap awal atau permulaan sehingga yang paling maksima. Dalam hal ini, Maslow percaya bahawa setiap individu akan terus memperbaiki diri sehingga ke tahap yang memuaskan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan peringkat-peringkat ini dalam analisis untuk menguatkan hujah.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Sebagaimana menurut Muhammad Uthman Najati (1993), menyatakan emosi merupakan bangkitan perasaan dan rasa dalaman hasil tindak balas seseorang terhadap sesuatu perkara, pengalaman dan peristiwa yang berlaku seperti emosi takut, marah, kecewa, gembira, suka dan kasih sayang. Manakala menurut Kasmini Kassim (1998) pula, emosi secara umumnya ialah perasaan. Manusia merupakan golongan benda hidup yang mempunyai perasaan yang tinggi dan halus. Berdasarkan kepada ketiga-tiga buah novel ini, emosi yang ditemui seperti emosi positif dan emosi negatif. Emosi positif terdiri daripada emosi kasih sayang, gembira, malu dan rasa bersalah manakala emosi negatif pula seperti sedih, marah dan takut.

## Kasih Sayang

Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996), kasih sayang dan cinta adalah antara emosi yang dimiliki oleh manusia. Kasih ialah perasaan dan perasaan cinta, belas kasihan dan timbang rasa, manakala sayang juga bermaksud cinta, kasih, suka, berasa belas dan kasihan. Cinta pula bermaksud perasaan sangat kasih, sayang asyik, berahi, selalu teringat dan terfikir dalam hati. Manusia dibekalkan dengan perasaan suka dan kasih sayang antara sesama mereka yang berhubung kait dan berdekatan seperti kasih sayang kepada ibu bapa, anak, saudara mara, harta yang dimiliki dan lain-lain lagi. Dengan adanya perasaan sebegini, segalanya yang terjadi akan terkawal dengan baik (Ab. Aziz Mohd Zin, 1999). Dalam membicarakan emosi kasih sayang, pengkaji akan memaparkan emosi kasih sayang yang terdapat dalam novel-novel yang dikaji seperti *Azfa Hanani, Merenang Gelora* dan *6:20*.

Novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995) menerapkan elemen kasih sayang dalam keluarga dalam karya. Ini dapat dikesan dalam contoh di bawah:

“...perkara ini telah diatur oleh Kak Finaz sendiri. Seawalnya, aku telah meminta keizinannya untuk menggunakan perkhidmatan bas sekolah sahaja. Namun, seperti yang ku agak, permintaan itu terpaksa ditolak. Alasannya, Datin Maziah pasti akan melenting apabila dia tahu keselamatan anak kesayangannya tidak benar-benar terjaga dan Kak Finaz tidak mahu mengambil risiko itu.”

(*Azfa Hanani*, hlm. 181)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas menunjukkan elemen kasih sayang yang diterapkan oleh pengarang dalam novel. Hal ini dikesan melalui watak Datin Maziah yang sangat menyayangi anaknya Tengku Murni dengan tidak membentarkan anak kesayangannya Tengku Murni atau Azfa Hanani menaiki pengangkutan awam untuk ke sekolah. Sebaliknya, dia menyuruh Kak Finaz untuk menghantar dan menjemput anaknya. Datin Maziah merupakan seorang ibu yang sangat bertanggungjawab dan mementingkan keselamatan anaknya. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990) manusia akan mencari keselamatan hidup, kestabilan kerja, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman luaran maupun dalaman. Tahap keselamatan ini amat diperlukan bagi menjamin

kesejahteraan hidup. Hal ini turut sama dilakukan oleh Datin Maziah dalam melindungi keselamatan anak perempuan tunggalnya dari ancaman bahaya.

Selain itu, emosi kasih sayang juga ditonjolkan dalam novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002). Dalam novel ini, pengarang mengutarakan kasih sayang persahabatan antara Badri dengan Jamil. Hal ini dapat dikesan dalam petikan di bawah:

“Badri tidak mempedulikan apa tanggapan Jamil pada suatu hari nanti. Sebagai sahabat, tidak mungkin dia akan membiarkan Jamil menghancurkan diri sendiri. Hanya ada satu jalan untuk menyelamatkan Jamil dan jalan itu telah diambil. Barangkali Jamil akan marah, tetapi itulah jalan yang terbaik.”

(*Merenang Gelora*, hlm. 252)

“Masalahnya, dia kawan aku. Aku tak mahu kau keras sangat. Baik buruk pun, dia tetap kawan aku. Jangan apa-apakan dia, tahu?”

(*Merenang Gelora*, hlm. 52)

“...Kau jangan ikut perasaan, Bad. Tak ada gunanya kau cari penyakit. Dengarlah cakap aku. Aku lebih tahu.”

Jamil berasa tersinggung, tetapi dia tidak boleh menyalahkan Badri. Sahabatnya itu terlalu kecewa apabila mengetahui siapa sebenarnya dia. Jamil tidak dapat memujuk Badri, malah dia berasa aib apabila mengetahui Badri sudah dapat menghidu pekung yang disembunyikan selama ini. Walaupun kebelakangan ini dia menjauhi Badri, itu tidak bermakna ikatan persahabatan mereka sudah rungkai. Badri masih lagi sahabat yang istimewa baginya.

(*Merenang Gelora*, hlm. 96)

Contoh petikan di atas memperlihatkan kasih sayang dalam persahabatan yang ditonjolkan oleh Badri dan Jamil. Walaupun mereka sedang menghadapi krisis, mereka tetap mengambil berat diantara satu dengan yang lain. Hal ini selari diperkatakan oleh Al-Ghazali yang dipetik oleh Muhammad Syahir Abu Bakar (2013) dalam kertas

kerjanya yang bertajuk *Perspektif Al-Ghazali dan Aristotle Terhadap Konsep Persahabatan* yang menerangkan bahawa persahabatan itu adalah seperti berada di kedudukan sebuah kekeluargaan. Maka apabila persaudaraan itu telah terikat erat, nescaya akan menjadi benar-benar teguh dan kukuh. Oleh itu, wajib disempurnakannya menurut apa yang diwajibkan pada ikatan persahabatan tersebut. Kerisauan mereka memperlihatkan keperluan keselamatan yang ditunjukkan oleh watak. Ini dapat dilihat apabila Badri berdegil untuk meneruskan sahutan Shahrul, walaupun di halang oleh Jamil. Menurut Maslow (1970) manusia sememangnya ingin dirinya berada dalam suasana persekitaran yang stabil, konsisten dan selamat. Aspek keselamatan juga merangkumi keselamatan mental dan spiritual. Rasa tegang, bimbang dan takut akan mengakibatkan manusia terikat pada kedudukan ini dan kerap mempamerkan sikap negatif.

Selain itu emosi kasih sayang dalam persahabatan juga ditemui dalam novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim (2011). Kasih sayang dalam novel ini ditonjolkan oleh watak Sukma yang berusaha menyelamatkan kawan-kawannya dari terus hanyut dengan pengaruh pemikiran barat yang merosakkan jiwa. Hal ini dapat dikesan dalam contoh petikan di bawah:

“Kak Ros kenal Jerrykan?” Dia boleh bantu. Saya akan pujuk dia dan Iskandar juga. Kawan-kawan saya ni dah menyertai mereka tapi saya percaya masih ada peluang untuk menyelamatkan mereka.”

(*6:20*, hlm. 200)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas menunjukkan Sukma berusaha menyelamatkan rakan-rakannya dari terus terpesong dengan pengaruh pemikiran barat yang merosakkan jiwa anak muda kini. Sukma dilakarkan oleh pengarang seorang gadis yang berani dalam melakukan sesuatu dan beliau juga seorang yang mempunyai semangat setiakawan yang tinggi dalam persahabatan. Hal ini terbukti apabila beliau berusaha menyelamatkan rakan-rakannya. Jika dilihat dari sudut psikologi, sifat yang ada dalam diri Sukma dilihat sebagai suatu keperluan keselamatan. Beliau sangat risaukan rakan-rakannya berusaha mereka keluar dari kumpulan yang tidak membawa faedah itu.

## Gembira

Semua manusia inginkan kegembiraan. Sekiranya memperolehi kegembiraan itu, tidak akan sesekali kita ingin bertemu dengan kesedihan, kekhuatiran dan kemarahaan dalam kamus hidup seseorang. Akan tetapi sudah menjadi sunnatullah bahawa kejadian di alam ini berpasangan. Bila ada kesedihan, pasti ada kegembiraan.

Menurut Abdul Ghani Abdullah et al (2007) gembira merupakan satu gagasan yang sangat baik. Orang yang bergembira kurang mengalami gangguan kestabilan badan apabila dibandingkan dengan orang yang tidak gembira. Kesan dari emosi kegembiraan dapat menolong mengendurkan ketegangan badan. Apabila seseorang gembira, mereka melahirkan rasa seronok dan menggalakkan mereka bercakap mengenai sesuatu yang mereka suka. Sebagai contoh, apabila seseorang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan, individu itu akan memberitahu berita tersebut kepada ibu bapanya, sahabat, jiran dan sebagainya. Perasaan seronok membuatkan seseorang berasa tenang, bersemangat, melupakan masalah yang sedang dihadapi dan sebagainya. Kadang kala, apabila seseorang itu terlampau seronok, mereka akan menangis kerana terlalu gembira. Novel yang dominan yang memaparkan emosi gembira ialah novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995) dan novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002).

Emosi gembira dalam novel *Azfa Hanani* (1995) dapat dijelaskan melalui contoh petikan di bawah :

“Aku sudah boleh tersenyum lebar sekarang. Tidak ada apa-apa lagi yang perlu kutakut dan ku bimbangkan lagi semasa tinggal di rumah banglo Datuk Makmur. Dia dan isterinya sudah terima kehadiranku. Namun pada kali ini, sebagai diriku sendiri, bukan lagi sebagai Tengku Murni yang sudah tiada itu.”

(*Azfa Hanani*, hlm. 233)

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas jelas memaparkan emosi gembira yang dialami oleh Azfa Hanani. Hal ini dikesan melalui ayat **aku sudah boleh tersenyum lebar sekarang**. Kegembiraannya itu dapat dilihat apabila Azfa Hanani telah diterima oleh Datuk Makmur dan Datin Maziah sebagai anak dan tidak perlu

menyamar sebagai Tengku Murni lagi. Jika dilihat dari sudut psikologi menjelaskan bahawa setiap remaja inginkan penghargaan dalam diri mereka. Menurut Maslow (1970) manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya. Jika keperluan penghargaan kendiri dapat dipenuhi dengan sebaiknya ia boleh membuatkan seorang individu tersebut menjadi produktif. Hal ini selari yang diinginkan oleh Azfa Hanani dalam hidupnya yang menginginkan identiti dirinya dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, emosi gembira juga dipaparkan dalam novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002). Emosi gembira ini dijelaskan melalui petikan di bawah:

“Seribu kesyukuran hinggap dalam hati Badri. Mujurlah nasib yang menimpa Nadira dijadikan tangkal untuk kembali ke jalan lurus. Badri tidak pernah menyimpan dendam dan tidak mempunyai masalah sedikitpun untuk memaafkan Nadira.”

(*Merenang Gelora*, hlm. 87)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan rasa gembira Badri apabila Nadira telah sedar akan kesilapannya selama ini dan pulang ke pangkal jalan. Jika ditinjau dari sudut psikologi memperlihatkan Badri berusaha untuk melindungi Nadira dari terjerumus dalam kancah yang tidak sihat. Menurut Maslow (1970) keperluan keselamatan sangat penting pada peringkat kanak-kanak dan orang dewasa yang mengalami kejiwaan.

## Rasa bersalah

Rasa bersalah merupakan satu emosi yang serius. Jikalau seseorang itu rasa bersalah cuma sekadar kerana ia tidak dapat membantu temannya melakukan sesuatu tugas berat, ini adalah pengalaman yang biasa dihadapi oleh kebanyakan manusia. Sebaliknya jika seseorang itu selalu mengalami rasa bersalah kerana semua kesilapan, sama ada besar atau kecil yang dilakukannya, maka emosi seperti ini adalah serius (Mahmood Nazar Mohamed, 1990). Emosi rasa bersalah dapat dikesan dalam novel *Azfa Hanani, Merenang Gelora*, dan 6:20

Emosi rasa bersalah dapat dikesan melalui watak Azfa Hanani dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995)

apabila dia terpaksa menipu Datin Maznah dengan menyamar sebagai Tengku Murni. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“kalau hendak difikirkan rasa bersalah yang melanda hati, aku sudah lama merasainya. Sepanjang dua minggu yang lalu, entah berapa banyak dosa kerana tidak berkata benar terpaksa kutanggung, aku pun tidak tahu.

(Azfa Hanani, hlm. 117-118)

Berdasarkan contoh petikan diatas jelas menunjukkan Azfa Hanani berasa bersalah kerana membohongi Datin Maziah. Hal ini dijelaskan dalam ayat “**sepanjang dua minggu yang lalu, entah berapa banyak dosa kerana tidak berkata benar terpaksa kutanggung, aku pun tidak tahu**”. Berdasarkan ayat di atas, Azfa Hanani berasa berdosa kerana menipu. Jika ditinjau dari sudut psikologi memperlihatkan jaminan kasih sayang yang ditunjukkan oleh Azfa Hanani. Hal ini kerana, Azfa Hanani tidak sanggup melihat reaksi yang dialami Datin Maziah sekiranya mendapat tahu tentang kematian anak perempuan tunggalnya. Lantaran itu Maslow (1970) menyatakan anak-anak merasa selamat dalam persekitarannya akan mula mengalih perhatiannya kepada orang lain iaitu memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa atau ahli keluarganya. Selain itu, menurut Mahmood Nazar Mohamed (1999) pula, pada tahap ini manusia akan memenuhi keperluan disayangi dan menyayangi serta mempunyai serta dipunyai. Mereka akan mengasihi serta berasa perasaan punya-mempunyai antara satu dengan yang lain. Hal ini selari dengan nilai kasih sayang yang ditunjukkan oleh Azfa Hanani terhadap Datin Maziah.

Selain itu, emosi rasa bersalah juga ditemui dalam novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002). Pengarang menerapkan emosi rasa bersalah terhadap watak Ikmal dan Razif. Emosi rasa bersalah dapat dikesan dalam petikan di bawah:

“Razif dan Ikmal tidak dapat menyembunyikan perasaan bersalah mereka. Mereka kesal atas apa yang yang terjadi. Perasaan bersalah menyebabkan jiwa mereka tidak tenteram. Apa yang mereka buat semuanya tidak kena. Hampir setiap masa terbayang-bayang wajah Faisal yang sedang menderita kesakitan.”

“...tetapi mereka tidak dapat menolak hakikat, mereka tetap terbabit. Razif dan Ikmal tidak dapat lagi berpura-pura. Mereka merasakan seperti memikul beban yang berat. Perasaan bersalah telah memusnahkan kehidupan mereka yang sebelum ini penuh dengan keceriaan.”

(*Merenang Gelora*, hlm. 132)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas menunjukkan perasaan rasa bersalah Razif dan Ikmal terhadap perbuatan mereka. Disebabkan mereka, Faisal berada di hospital dalam keadaan tidak sedarkan diri. Jika dilihat dari sudut psikologi, ternyata dapat dilihat jaminan kasih sayang. Hal ini demikian kerana, mereka menyesal dengan perbuatan yang dilakukan dan ingin menyerah diri. Menurut Lefrancois dalam buku *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru* (2009) kasih sayang boleh membawa kepada kesan positif jika diperteguhkan dan disokong.

Selain itu juga, emosi rasa bersalah ditemui dalam novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim (2001). Emosi rasa bersalah ini dapat dikesan melalui watak Sukma apabila, dia pernah menuduh ibunya terlibat dalam gejala *Black Metal* yang memesongkan akidah anak-anak muda kini. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“ Ibukah ketua tertingginya ayah?”

“Ayah menggeleng tetapi wajah masih gusar, bermakna ayah tidak pasti lagi.”

“Tidak disangka langsung ibu boleh terikut sama dengan ‘Kumpulan Ruang Sepi’ ini. mungkin ibulah yang mendapatkan segala-galanya peralatan ubatan dan ibulah juga yang berurusan dengan kuasa besar di luar sana...”

“Tergamakkah aku?”

(*6:20*, hlm. 232-233)

“Begitulah yang berlaku sejak saya mula mengetahui kumpulan ini, tentang rahsia kehidupan saya dan identiti ibu. Semuanya berlaku dalam masa tujuh hari, dua minggu lepas. Hari ini saya bercerita kepada semua hadirin yang hadir. Saya mengakui, saya mengesyaki ibu saya dan saya yakin dia terlibat sama, namun apabila saya

mengetahui perihal yang sebenar, tangisan tanpa mampu saya hentikan seakan-akan menjentik ngilu perasaan ini.”

(6:20. Hlm: 234)

Berdasarkan contoh petikan di atas jelas menunjukkan rasa bersalah Sukma terhadap ibunya apabila dia menyalahafsirkan tindakan ibunya selama ini. Hakikat yang perlu diterima Sukma ialah tindakan yang dibuat oleh ibunya semata-mata ingin melindungi Sukma, anaknya yang pada masa yang sama merupakan remaja yang sedang meniti usia. Hal ini demikian kerana, gejala *Black Metal* merupakan gejala popular yang menarik golongan remaja kearah kancan itu. Jika ditinjau dari sudut psikologi Maslow (1970), Sukma dilihat tidak menghargai apa yang dibuat oleh ibunya. Sebagai seorang remaja yang bijak, sepatutnya Sukma perlu menyelidik terlebih dahulu mengenai kelakuan pelik ibunya. Menurut Maslow (1970) yang dipetik oleh Mahmood Nazar Mohamed (1990), jaminan penghargaan diri merupakan pencapaian yang membolehkan manusia rasa punyai harga diri, berkebolehan, berguna dan boleh berbakti kepada masyarakat. Hal ini setimpal yang dilakukan oleh ibu Sukma apabila beliau cuba menjadi mata-mata di dalam kumpulan itu.

## Malu

Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati emosi malu juga diselitkan oleh pengarang dalam memantapkan emosi watak-watak dalam karya yang dihasilkannya. Dalam Islam, malu itu adalah salah satu dari cabang iman. Malu juga diibaratkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai perhiasan iman di sampaing takwa. Maksud sabda Rasulullah s.a.w :

“Asal iman itu tiada pakaian (telanjang) pakaianya ialah takwa dan perhiasannya ialah malu”

Dalam membicarakan emosi malu, pengkaji akan menyentuh novel dominan yang memamparkan emosi malu. Malu merupakan sifat semula jadi manusia. Hal ini menjadikan manusia lebih mulia dan tinggi darjatnya daripada sekalian makhluk. Dan sebaliknya, apabila seseorang itu tidak punyai perasaan malu, maka ia sudah merendahkan

nilai akal yang dikurniakan Allah kepadanya, dan ini secara tidak langsung menjatuhkan darjatnya. Emosi malu dapat dikesan dalam novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002):

“Badri diselimuti rasa terkejut. Pakaianya basah kuyup. Dia berasa malu untuk kembali ke kelas dengan keadaan sedemikian. Tetapi dia harus keluar dari situ. Dia tidak boleh selama-lamanya bersembunyi di dalam tandas. Badri mengambil keputusan untuk keluar dan seperti yang diduga, keadaanya menarik perhatian pelajar-pelajar lain. Dia membatalkan hasratnya ke kantin, sebaliknya mengatur langkah menuju ke kelas. Dia perasan ramai pelajar yang ketawa dan ada yang mengejek-ngejek.

(*Merenang Gelora*. Hlm: 22)

Contoh petikan di atas jelas menunjukkan emosi Badri yang malu apabila dia diaibkan sebegitu rupa oleh pelajar yang marahkannya. Apabila dimalukan sebegitu rupa, dia merasakan dirinya sangat kerdil. Jika ditinjau dari sudut psikologi, sebagai manusia biasa Badri dilihat menginginkan dirinya dihargai dan dihormati bukannya mendapat hinaan sedemikian rupa. Lantaran itu Maslow (1970) menyatakan penghargaan kendiri seperti pengiktirafan, penghargaan kepada diri sangat penting dalam kehidupan seseorang. Selain itu, malu yang dihadapi oleh Badri apabila Nadira, seorang pelajar perempuan yang sombong dan berlagak telah menjatuhkan air mukanya sebagai seorang lelaki apabila menyindirnya. Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah:

“Mandi kolam ke?” tambah Nadira lagi sambil ketawa. Nadira berjalan ke mejanya dan mengambil sesuatu dari beg sekolahnya. Badri menundukkan kepala. Malu. Kalau diikutkan hati mahu rasanya dia terus pulang.”

(*Merenang Gelora*. Hlm: 22-23)

## **Sedih**

Seterusnya, emosi lain yang ditemui ialah sedih. Ab. Aziz Mohd Zin (1999) menyatakan emosi sedih akan timbul apabila seseorang

berhadapan dengan keadaan yang mengecewakan, menggelisahkan atau muncul sebagai akibat penderitaan kerana luka atau sakit. Emosi sedih boleh membuatkan seseorang itu berasa tertekan dan murung. Justeru, apabila seseorang berasa sedih, dia hendaklah mengawal perasaan itu dengan sebaiknya. Sebaiknya, membuat aktiviti seperti bersenam, berjumpa rakan-rakan dan sebagainya boleh melupakan seketika perasaan sedih itu. Jika boleh, berkongsilah perasaan sedih itu bersama teman rapat agar perasaan sedih dapat dikurangkan.

Dalam membincarkan emosi sedih, pengkaji mendapati ketiga-tiga buah novel iaitu *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah dan *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah memaparkan emosi sedih dalam karya mereka. Emosi sedih ini dapat dilihat dalam contoh-contoh petikan yang diberikan. Contoh dalam petikan novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995).

“Aku pernah dicalonkan oleh beberapa orang guru untuk menjawat jawatan pengawas Sekolah Menengah Sri Dian. Ia merupakan suatu penghormatan dan sesiapa sahaja akan berasa bangga kalau namanya disebut-sebut layak berperanan sebagai seorang pemimpin. Pencalonan itu terpaksa kutolak.” Aku tidak sanggup melihat Pak Long bekerja lebih keras untuk memenuhi keinginanku. Sekali aku menerima pencalonan itu, dilantik secara rasmi kemudiannya, pakaian sekolahku terpaksa ditukar. Harga kainnya sahaja, upah menjahit pula, sesungguhnya sudah cukup untuk mencetuskan rasa serba salah. Itu belum dicampur lagi dengan sejumlah wang yang perlu diperuntukkan untuk membayar harga sehelai blazer yang mencapai angka ratusan ringgit. Keluargaku amat daif untuk hidup bermewah-mewah dan hakikat itulah yang meruntun hati, lalu mendesak aku membuat perhitungan wajar.”

(*Azfa Hanani*, hlm. 145-146)

Berdasarkan kepada contoh di atas jelaslah menunjukkan kesedihan yang dihadapi oleh Azfa Hanani apabila tidak dapat membeli baju pengawas sekolah kerana ketidakmampuan keluarganya. Dalam konteks dunia kini, pakaian sekolah merupakan salah satu keperluan asas kepada kanak-kanak dan remaja. Sehubungan itu, Maslow menyatakan antara keperluan fisiologi seperti makan, minum, tempat tinggal, pakaian dan lain-lain sangat penting kerana tanpa keperluan-keperluan ini, manusia tidak dapat hidup dengan sempurna dan selesa.

Keperluan fisiologi ini wujud sebaik sahaja manusia itu dilahirkan. Menurut Muhammad Salleh Lebar (1994), sekiranya keperluan asas ini tidak dipenuhi akan menyebabkan organisma atau seseorang itu akan rasa terseksa. Tanpa keperluan fisiologi manusia tidak akan dapat mencapai tahap kesempurnaan kendiri yang sebenar.

Jika dilihat dari sudut psikologi, Azfa Hanani berfikiran rasional dan menganggap keperluan fisiologi iaitu keperluan asas seperti makan, minum, tempat tinggal, dan perubatan juga merupakan salah satu keperluan asas yang amat diperlukan oleh manusia. Jika difikirkan secara rasionalnya, jawatan yang diterimanya juga merupakan suatu penghargaan kepadanya kerana ia memperlihatkan gaya kepimpinan seseorang remaja.

Kesan yang akan dialami oleh Azfa Hanani sekiranya tawaran itu diterimanya, dia memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membuat sepasang uniform pengawas sekolah. Baginya, wang itu lebih berfaedah digunakan untuk keperluan sehari-hari dan mengubati penyakit sepupunya yang lumpuh, walaupun tawaran itu memperlihatkan kepimpinannya. Justeru, jika diteliti dalam konteks dunia hari ini, keperluan manusia semakin meningkat dan berubah-ubah demi meneruskan kelangsungan hidup. Sehubungan itu, sebagai seorang remaja, Azfa Hanani mampu berfikir secara rasional walaupun dalam keadaan bersedih. Hal ini demikian kerana, akal memainkan peranan penting untuk membuatkan seseorang itu berfikir secara rasional. Walaupun bersedih Azfa Hanani mampu membuat satu keputusan yang rasioanal. Tindakan ini memperlihatkan kematangan remaja dalam berfikir yang ingin ditonjolkan oleh pengarang dalam karyanya. Hal ini juga selari dengan Aristotle yang diperkatakan oleh Mohammad Hatta (1982), manusia harus memiliki harta secukupnya, supaya hidup akan terpelihara kelak.

Selain itu, emosi sedih juga ditonjolkan oleh pengarang Ruslan Ngah dalam novel *Merenang Gelora* (2002). Dalam novel ini pengarang memperlihatkan emosi kesedihan yang dialami oleh Badri apabila adik kesayangannya dipukul dengan teruk oleh orang upahan Shahrul. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan di bawah:

“...Wajah Badri penuh dengan kesedihan dan kerisauan. Pertanyaan Dayana dibiarkan tanpa jawapan segera. Dayana menunggu dengan sabar. Setelah beberapa ketika, barulah Badri membuka mulut.

“Beransur pulih. Seluruh badannya masih memar. Mujurlah tak ada tulang yang patah,” gumam Badri perlahan. Terbayang olehnya Badrul yang sedang terbaring kesakitan di hospital.

(*Merenang Gelora* : hlm. 190)

Contoh di atas jelas menunjukkan emosi Badri yang bersedih kerana keadaan adiknya yang terlantar di hospital akibat dipukul oleh samseng yang diupah oleh Shahrul. Sebagai seorang abang, memperlihat Badri sangat menyayangi adiknya. Disebabkan adiknya telah dipukul, Badri berfikir dua kali untuk meneruskan semangatnya dalam penyiasatan tentang Shahrul. Lazimnya manusia menginginkan kasih sayang daripada seseorang yang rapat dengannya seperti ibu bapa, adik beradik, saudara mara dan teman-teman. Hal ini juga selari dengan apa yang dilakukan oleh Badri apabila dia menjadi manusia yang lemah dan tidak bersemangat seperti dahulu. Perkara ini di jelaskan dalam petikan di bawah:

“Kemalangan yang menimpa Badrul melemahkan semangat Badri untuk terus menentang Shahrul. Sudahlah Inspektor Razlan tiada sekarang Badrul pula menjadi sasaran. Kekuatan jiwanya hampir lumpuh. Dia sanggup menghadapi apa sahaja, tetapi tidak sanggup melihat adik kesayangannya menderita.”

(*Merenang Gelora* : hlm. 191)

Berdasarkan kepada petikan di atas menunjukkan Badri seperti mengikut kata hatinya apabila dia terus menjadi manusia yang lemah dan tidak berdaya untuk menentang kebenaran seperti dahulu. Benarlah kata pepatah, ‘cubit peha kanan, peha kira juga terasa sakitnya’. Melihat keadaan adiknya membuatkannya berasa bersalah atas perkara yang berlaku sekarang. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh Badri sangat tinggi.

Selain itu, pengarang Ruslan Ngah turut mempamerkan emosi sedih terhadap Badri apabila keputusan SPM yang diterimanya tidak seperti yang disasarkan. Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan di bawah:

“Entah di mana silapnya sampai ini boleh berlaku, padahal dia telah mencuba sedaya upaya. Sukar untuk menggambarkan perasaan Badri ketika itu. Sedih, hampa tetapi tetap berbaur dengan syukur.

(*Merenang Gelora*, hlm. 242)

Petikan di atas menunjukkan emosi sedih Badri apabila keputusan yang diterima tidak seperti yang dijangkakan. Jika dilihat dari sudut psikologi memperlihatkan pendidikan merupakan suatu keperluan asas yang penting bagi seorang remaja seperti Badri. Baginya, pelajaran merupakan satu aset yang penting untuk mencapai kejayaan. Menurut Sufean Hussin (1996), kelayakan tinggi adalah passport untuk mendapatkan pekerjaan dan taraf hidup yang lebih baik.

Dalam novel *6:20*, karya Siti Jasmina Ibrahim (2001) pula, pengarang turut mengemukakan emosi emosi sedih atau berduakacita dalam kalangan remaja. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Apa kamu fikir?” tegur ibu.

“Maaf, saya sangat sedih kerana ibu menganggap saya menghadapi tekanan perasaan. Ibu tak percaya kepada anak ibu ini lagi!”

Saya berlari memijak mata tangga. Air mata merembes dalam upaya menahan marah.

(*6:20*, hlm. 161)

Berdasarkan kepada contoh di atas, kesedihan yang dialami oleh Sukma ditonjolkan apabila ibu tidak mempercayainya. Dari sudut psikologi, Sukma sangat mengharapkan sokongan daripada ibunya. Pada saat itu, yang diharapkan oleh seorang anak ialah kasih sayang daripada keluarganya. Justeru, dapat dilihat kepercayaan dari seorang ibu sangat penting terhadap golongan remaja yang sedang meniti usia dalam pembangunan emosi anak remaja. Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom (2007), anak-anak kecil sangat gembira apabila ditegur sapa oleh ibu bapa mereka, terutamanya jika disapa oleh ibu. Sapaan ibu terhadap anak-anaknya menjadikan anak-anak rasa dihargai dan merasakan bahawa ibu sangat prihatin terhadap diri mereka. Dalam hal ini, Maslow (1970) sangat menekan aspek keperluan kasih sayang dalam kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana, kasih sayang dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

## Marah

Seterusnya, emosi marah juga diselitkan dalam karya yang dihasilkan. Menurut Johari Alias (1994) marah pada zahirnya ialah cetusan perasaan akibat terlalu benci terhadap manusia, haiwan ataupun benda-benda yang menyakiti diri atau hati seseorang. Kebiasaannya, emosi ini dizahirkan secara lisan atau dengan perbuatan seperti memukul orang atau benda-benda yang berada disekitarnya. Marah pada hakikatnya, menurut Imam Ghazali, berpunca dari secebis api neraka yang bernyala-nyala. Kepanasan itu naik ke sudut hati lalu bersembunyi menjadi bara yang diselaputi oleh abu. Bara itu menetap di hati sebagaimana api di dalam sekam. Apabila terjadi sesuatu yang tidak menyenangkan, maka bara yang disimpan itu akan meletup lalu menjadi api yang bernyala (Johari Alias, 1994).

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, novel-novel yang dikaji memaparkan emosi marah. Emosi marah ini dapat dikesan dalam novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim (2011):

“Dia mencari tempat duduk yang bertentangan dengan saya. Lidah saya jadi kelu. Rafiq meminta saya bersabar kerana orang yang menaiki bas ini sudah mula pandang-memandang disebabkan kegamaman saya melihat penampilan Jerry itu. Jerry pula langsung tidak mahu, atau barangkali, tidak berani memandang saya. Dia hanya diam dan tunduk menekuri lantai. Jerry masih tunduk, tidak beranjak walau sedikit. Dia kini menjadi seperti tugu seorang remaja yang keliru di dalam bas yang bergerak pantas mengejar rutin setiap manusia di dalamnya, yang mempunyai destinasi sendiri.

“Patung bernama Jerry ini sudah kehilangan dirinya. Melihatkan aksinya yang terus tunduk, perasaan marah saya membuat.

(*6:20*, hlm. 108)

Berdasarkan kepada petikan di atas menunjukkan Sukma sangat memarahi temannya kerana cara berpakaian Jerry yang berserba hitam dan memakai celak yang agak tebal manakala kukunya pula diwarnakan hitam. Kemarahan yang dialami Sukma mempunyai sebab tersendiri kerana ingin melindungi sahabatnya yang telah terpesong. Kesan daripada emosi itu membuatkan Sukma menjadi tidak rasional dan ingin memarahi Jerry pada ketika itu juga tetapi dihalang oleh Rafiq. Jika ditinjau dari sudut psikologi, kemarahan Sukma dilihat sebagai suatu keperluan keselamatan kerana risaukan sahabatnya.

Dalam hal ini Sukma menunjukkan bahawa beliau seorang yang sangat pentingkan persahabatannya dan berusaha untuk membawa temannya kembali ke jalan yang betul.

Selain itu juga, novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah (2002) memperlihatkan bentuk emosi marah pada watak remajanya. Hal ini dapat dikesan kepada watak Badri yang sangat marahkan rakannya, iaitu Fazli kerana mengkhianatinya sehingga menyebabkan dia dimasukkan ke dalam lokap atas tuduhan menyimpan barang terlarang. Di sebabkan itu, Badri tidak lagi berkawan dengan Fazli. Contohnya dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“...Perasaan marah muncul dalam hati Badri. Secara terang-terangan, Fazli mengaku perbuatan terkutuknya. Badri bangun dengan pandangan berpinar-pinar. Wajahnya menunjukkan kemarahan yang tidak terbendung lagi. Seorang yang mengaku sahabat begitu berani mengaku tentang sebuah pengkhianatan dengan wajah selamba.  
“Kau memang munafik, Fazli!”

(*Merenang Gelora*, hlm. 213-214)

Petikan di atas jelas menujukkan kemarahan Badri pada rakannya Fazli kerana mengkhianatinya. Kesan daripada emosi Badri itu menyebabkan dia hilang pertimbangan apabila emosi marahnya telah menguasai mindanya. Hal ini diperakui oleh Harun Arrasyid Haji Tuskan (2006), iaitu perasaan marah yang menguasai nafsu dan emosional yang kuat akan menyebabkan akal pada ketika itu tidak dapat berfikir secara waras kerana segala tindakan akan dipengaruhi oleh emosi. Hal ini dapat dilihat apabila Badri tidak dapat berfikir dengan rasional semasa dia bergaduh dengan Fazli sehingga terlupa untuk membuka langkah silat terlebih dahulu. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

“Badri sudah tidak mampu untuk membendung kemarahan. Secara tiba-tiba fikirannya tidak dapat berfikir dengan tenang. Spontan dia meluru dan menerkam Badri. Mereka berguling-guling di atas rumput sambil berbalas pukulan. Kemarahan yang membuat buak-buak membuatkan Badri lupa untuk membuka langkah silat. Dia menyerang Fazli secara membabi-buta.”

(*Merenang Gelora*, hlm. 214-215)

Badri beremosi seperti itu kerana dia menganggap bahawa Fazli telah insaf atas kelakuannya selama ini dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Oleh sebab sumpah dan janji Fazli, Badri menerima sebagai kawan tetapi akhirnya Fazli mengkhianatinya dengan meletakkan barang terlarang dalam almari milik Badri sehingga dia ditangkap dan ditahan di lokap. Di sini jelas memperlihatkan keperluan kasih sayang yang ditunjukkan oleh Badri dalam hubungan persahabatannya dengan Fazli. Lantaran itu, Maslow (1970) sangat menekankan elemen kasih sayang dalam kehidupan. Pada peringkat ini keperluan kasih sayang terhadap remaja perlu dipenuhi kerana mereka akan merasa disayangi dan diperlukan sama ada oleh keluarga, rakan atau sesiapa sahaja.

Seterusnya, emosi marah juga ditemui dalam novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995). Hal ini dilihat pada watak Azfa Hanani dan Tengku Muzaffar:

“Aku berhak untuk berasa marah. Tanpa sebarang ketukan, pintu bilik Abang Muzaffar kukuak.

“Kenapa ni, Nani? Marah je nampak. Dia bertanya dan menegur sebelum sempat aku bersuara apa-apa. Aku mengetap bibir. Geram. Kalau abang tak sibuk sekarang, Nani harap abang dapat jelaskan sesuatu kepada Nani, kataku tegas.

“Apa yang Nani cakapkan ni? Tiba-tiba aje marah tak tentu hala. Cuba beritahu abang baik-baik,” katanya pula, lembut. Tetapi ia tidak akan dapat melenturkan kemarahanku.

(*Azfa Hanani*, hlm. 214)

Emosi marah yang berlaku pada watak Azfa Hanani kerana dia merasakan Tengku Muzaffar seorang yang tidak adil sebagai seorang abang. Hal ini demikian kerana, sebagai seorang abang, dia sepatutnya menyokong tindakan adiknya untuk menjalinkan sesebuah perhubungan. Jika dilihat dari sudut psikologi, emosi marah Azfa Hanani dilihat sebagai kasih sayangnya terhadap Tengku Murni. Walaupun Tengku Murni telah tiada, dia merasakan perlu untuk mencari jawapannya.

Selain itu, dilihat emosi marah yang ditonjolkan oleh Tengku Muzaffar kerana ketidakpuasan hatinya terhadap Ekran. Hal ini dapat dikesan dalam petikan ini:

“Aku tergamam. Aku amat terkejut mendengar Ekran dicerca seperti itu. Melihat aku terdiam, Abang Muzaffar terus menghamburkan kemarahannya terhadap Ekran. Ujaran prejudisnya memang memedihkan telinga sesiapa sahaja.

(*Azfa Hanani*, hlm. 216)

Menurut Harith Asad al-Muhasibi, sifat amarah yang tidak diawasi oleh fikiran rasional mudah menghancurkan diri sendiri dan dunia sekelilingnya jika tidak dikendalikan (Hasan Langgung, 1997). Hal ini dapat dilihat dalam petikan di atas yang melakarkan kemarahan Tengku Muzaffar terhadap Ekran. Dia merasakan Ekran tidak sesuai untuk adiknya, Tengku Murni dan juga Azfa Hanani. Baginya Ekran hanya akan mempermainkan kedua-dua adiknya. Jika dilihat dari segi psikologi memperlihatkan keperluan keselamatan yang ditunjukkan oleh Tengku Muzaffar sebagai seorang abang untuk melindungi adiknya. Hal ini jelas dilihat dalam petikan di bawah:

“Abang lakukan semua ini untuk kebaikan keluarga kita.” Dia masih cuba menyakinkan aku, dia berada di pihak yang benar.

(*Azfa Hanani*. Hlm : 216)

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil penelitian unsur emosi ke atas ketiga-tiga novel KOMSAS terbitan Utusan Publication & Distributors, dapat disimpulkan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan kehidupan remaja kini. Hal ini telah mencetuskan pelbagai bentuk emosi. Pengkaji mendapati terdapat dua bentuk emosi yang didedahkan oleh pengarang novel sama ada secara sedar atau tidak. Bentuk emosi tersebut ialah emosi positif dan negatif. Emosi positif yang dominan dapat dikesan seperti emosi kasih sayang, gembira, rasa bersalah dan malu. Manakala emosi negatif yang dominan pula seperti emosi sedih, marah dan takut. Emosi merupakan sahabat yang paling akrab dengan golongan remaja ini. Hal ini demikian kerana, pada peringkat ini golongan remaja menghadapi kemuncak keemosian yang tinggi. Sehubungan itu, emosi yang hadir dalam kalangan remaja haruslah ditanggani oleh remaja itu sendiri dengan rasional dan bijaksana.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd. Zin. (1999). *Psikologi dakwah*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Abdul Rashid Mohamed. (2007). *Humor dalam pengajaran*. Batu Caves: PTS Professional.
- Abdullah Nashih Ulwan. (1996). *Pendidikan anak dalam Islam: Pendidikan sosial anak*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Amida Abdul Hamid. (2005). *Emosi dendam dalam kesusasteraan Melayu*. Dalam Hashim Awang, Zahir Ahmad et al (pnyt.). *Emosi Melayu*. (hlm: 36-41). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Arbai'ie Sujud et al. (2014). Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72-84.
- Frieda, N.H. (1993). *Moods, emotion episodes and emotions*. New York: Guilford Press.
- Halis Azhan Mohd Hanfiah. (1995). *Azfa Hanani*. Kuala Lumpur: Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Harun Arrasyid Haji Tuskan. (2006). *Menangani konflik emosi menurut pandangan Islam*. Selangor: Edusystem.
- Hasan Langgung. (1997). *Asas-asas pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari Alias. (1994). *Membina peribadi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom. (2007). *Pendidikan dan pembangunan keluarga cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2009). *Psikologi perkembangan: Panduan untuk guru*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kasmini Kassim. (1998). *Penderaan emosi kanak-kanak: Trauma terselindung*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and personality 2nd Edition*. New York : Harper & Row Publisher.
- Mohamad Mokhtar Hassan dan Suhairah Ismail. (2005). Emosi dalam novel Panglima Salleh Selempang Merah: Satu penerapan teori. Dalam Hashim Awang, Zahir Ahmad et al (pnyt.). *Emosi Melayu*. (hlm: 255-284). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Mohamed Hatta. (1982). *Alam Fikiran Yunani*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar psikologi satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Salleh Lebar. (1994). *Asas psikologi perkembangan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Moleong, L. J. (2004). *Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi*. Bandung : PT Remaja Rosdakarya.
- Muhammad Syahir Abu Bakar. (2013). Perspektif Al-Ghazali dan Aristotle terhadap konsep persahabatan. *Jurnal Hadhari*.
- Muhammad Uthman Najati. (1993). *Al-Qur'an wa Ilm al-Nafs*,
- Robbins, S. et al. (2008). *Perilaku Organisasi*. Jakarta: Salemba Empat.
- Ruslan Ngah. (2002). *Merenang Gelora*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Jasmina Ibrahim. (2001). 6:20. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin. (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Kemelut Teks Sastera Komsas”. <http://munsyibm.blogspot.com/2011/04/kemelut-teks-sastera-komsas.html> diakses pada 20/02/2013
- “Dua Teks Komsas Dirombak”. <http://berita.cari.com.my/news.php?id=20387> diakses pada 13/12/2013
- [http://wardatul-syuhada.blogspot.com/2011\\_04\\_01\\_archive.html](http://wardatul-syuhada.blogspot.com/2011_04_01_archive.html) diakses pada 06/05/14